## SINAR HARIAN – RABU 7 MAC 2018

Usia bukan penghalang buat Nonna Irma bergelar sukarelawan.





# Sukarelawan usia 93 tahun

### NENEK IRMA BANTU ANAK YATIM, HABISKAN SISA HIDUP BERBAKTI UNTUK ORANG LAIN



Mesra dengan anak-anak Kenya.

Apa perasaan anda apabila melihat nenek berusia 93 tahun sanggup 'bermusafir' menjadi sukarelawan untuk membantu di rumah anak yatim di Kenya. Jika angka usia itu diterbalikkan, mungkin individu tersebut tidak bermasalah menunaikan hasrat membuat kerja amal tersebut.

Tetapi itulah kenyataannya yang berlaku kepada wanita ini hingga kisahnya menjadi tular.



Membantu rakan mubaligh.

Bercerita mengenai nenek dari Itali ini, cucunya Eliza Coltro yang menulis tentang 'nonna' (nenek) nya itu, Irma di laman *Facebooknya*, hingga tulisannya mendapat perhatian, baru-baru ini.

Dalam laman sosialnya Eliza berkongsi dengan tulisan: "Inilah nenek saya, Irma, seorang wanita berumur 93 tahun, berangkat ke Kenya malam ini. Bukan untuk beristirahat di resort, tetapi turun ke kampung di rumah anak yatim.

"Saya memperlihatkannya kepada anda kerana saya percaya kita semua harus selalu simpan hasrat berbuat sesuatu dalam hidup dan bukan hanya bersahan.

"Lihatlah dia... Siapa yang mampu menghentikannya? Saya sayangkan dia," tulis Eliza.

Nonna Irma telah membiayakan sumbangan kepada rumah anak yatim yang diasaskan oleh badan kebajikan di Itali selama bertahun-tahun, maklum Eliza mengenai perkara itu kepada syarikat penerbitan, *Itali La Repubblica*.

Menurut Eliza, warga emas itu berasakan bahawa dermanya saja tidak lagi mencukupi, dan memberitahu bahawa akan pergi ke Kenya dan mengajak anaknya (ibu Eliza) pergi bersamanya.

"Selepas kehilangan suaminya pada usia 26 tahun, Nonna Irma telah menghabiskan hidupnya untuk membantu orang ramai. Nenek saya selalu menyukai kehidupan dan tidak pernah membiarkan apa-apa menghalangnya.

"Irma dan ibu saya akan berada di Kenya selama tiga minggu. Nampaknya dia sudah membuktikan nekadnya. Saya tidak bayangkan bahawa semua ini akan berlaku. Ibu saya hantar gambarnya dan nenek dari lapangan terbang dan melihat nenek saya dengan beg merah beserta tongkatnya. Rasa bangga bila saya menulis mengenai misinya itu," katanya.

#### BUKAN PENGHALANG

Seorang wanita yang tidak pernah berhenti daripada berbuat apa-apa dan percaya bahawa untuk benar-benar menghadapi erti kehidupan, usia bukanlah penghalangnya.

Malah kini Irma menjadi bintang sosial yang memberi inspirasi bukan saja pada masyarakat setempatnya tetapi ke seluruh dunia dengan perkembangan teknologi masa kini.

Tinggal di Novemania Vicentina, nenek Irma sebenarnya sudah menjadi balu pada usia 26 tahun, dengan tiga anak dan kemudiannya kehilangan seorang anak perempuan.

"Nenek saya selalu menyukai kehidupan dan tidak pernah berhenti apa-apa, dia telah mendedikasikan hidupnya kepada keluarga dan membantu orang-orang di sekelilingnya. Bagi saya dia sentiasa menjadi contoh.

"Dan memang benar bahawa Nonna Irma adalah satu contoh, kerana dua musim panas lepas kami bukannya bercuti, tapi saya dan dia menggunakan cuti untuk membantu pelarian Syria di kem-kem Greek. Saya berada di Thessaloniki dan Athens, pada tahun 2016 dan pada tahun 2017. Saya harap kami boleh kembali lagi tahun ini juga," katanya.

Harapannya, apabila ribuan orang berkongsi gambar Irma, neneknya itu dapat menjadi contoh baik kepada ramai lagi untuk membuat kebaikan seumpamanya.

Bercerita mengenai Irma yang akan ke Kenya kira-kira sebulan, Eliza berkata, ia bagi membantu penyelenggaraan kecil di rumah anak yatim itu yang diasaskan oleh mubaligh.

"Nenek saya tahu rumah kebajikan tersebut mahu membantu seperti yang dia mampu lakukan. Tapi tahun ini sewaan penjagaan anak-anak di situ tidak mencukupi, sebab itu dia ajak ibu saya ke Kenya dan gembira ada mahu menemaninya.

"Buat ibu dan nenek, akhirnya anda berdua akan ke sana selama tiga minggu. Atau mungkin nenek saya akhirnya memutuskan tinggal di Kenya dan tidak kembali, semuanya mungkin bila mengetahui hatinya yang besar berbanding tenaganya," katanya.